

23 MAY 2000

Ah Lek-Ling

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN MCA TEMU DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek hari ini menyampaikan keputusan majlis presiden parti itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik menimbangkan semula keputusannya untuk meletakkan jawatan dalam Kabinet.

Lim berkata, beliau mengetuai tiga daripada empat naib presiden MCA iaitu Datuk Dr Fong Chan Onn, Datuk Ong Ka Ting dan Datuk Chan Kong Choy untuk bertemu dengan Perdana Menteri di pejabatnya di Putrajaya, pagi ini.

Naib presiden keempat Datuk Chua Jui Ming yang juga Menteri Kesihatan berada di luar negara kerana tugas rasmi.

"Kami menyampaikan kepada Perdana Menteri keputusan Majlis Presiden MCA dan Jawatankuasa Pusat semalam untuk meminta Dr Ling menimbangkan semula keputusannya," kata beliau kepada BERNAMA apabila dihubungi hari ini.

Lim berkata, beliau telah meminta Dr Mahathir yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN), "cuba menggunakan pengaruhnya untuk memujuk Dr Ling supaya tidak bersara."

Semalam, Dr Ling mengumumkan keputusannya untuk meletakkan jawatan Menteri Pengangkutan tetapi akan terus kekal sebagai presiden parti. Dr Ling juga menyatakan keputusan beliau adalah muktamad dan beliau tidak akan berganjak daripadanya.

Sebelum itu, pagi ini, Dr Mahathir mengulangi yang beliau akan cuba memujuk Dr Ling untuk menimbangkan semula keputusannya tetapi ia masih terpulang kepada Dr Ling.

Mengenai hasil pertemuan hari ini bersama Dr Mahathir, Lim yang juga bekas Menteri Sumber Manusia berkata beliau tidak dapat menyatakan reaksi Perdana Menteri.

"Kami hanya menyampaikan keputusan semalam Majlis Presiden dan Jawatankuasa Pusat," kata beliau.

Lim berkata, walaupun semua anggota jawatankuasa pusat dimaklumkan mengenai mesyuarat itu semalam, bukan semua yang dapat hadir kerana sebilangan daripada mereka berada di luar negara.

Ditanya sama ada beliau sedar yang pemuda MCA mengadakan mesyuarat tergepar hari ini, Lim berkata mesyuarat itu adakah bagi memperakui keputusan majlis Presiden dan Jawatankuasa Pusat semalam.

Sementara itu, Ketua Wanita MCA Datuk Dr Ng Yen Yen berkata pergerakan itu akan mengadakan mesyuarat tergepar di sini, esok untuk membincangkan keputusan Dr Ling untuk meletakkan jawatan Kabinet.

Saya terkejut dengan keputusan beliau," kata beliau dalam satu kenyataan.

Dr Ng, yang merupakan Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan kini berada di Taiwan kerana mengetuai delegasi untuk mempromosi negara ini sebagai destinasi pelancongan.

Dr Ng berkata, beliau akan pulang segera untuk mempengerusikan mesyuarat itu esok dan menyeru semua anggota Wanita supaya bertenang.

-- BERNAMA

ES ND PR